

10 JULAI 2018

Sindiket bekal dadah untuk 40,000 penagih tumpas

Sindiket bekal dadah untuk 40,000 penagih tumpas

KUALA LUMPUR 9 Julai - Campur pelbagai jenis dadah ke dalam serbuk minuman ringan untuk dibekal terhadap orang tengah sebelum dijual kepada pengurus atau pemilik premis hiburan di sekitar Lembah Klang.

Itu modus operandi sebuah sindiket pengedaran dadah yang didalangi seorang lelaki tempatan serta dibantu tiga wanita warga Vietnam berusia antara 23 hingga 35 tahun.

Bagaimanapun, kegiatan sindiket itu terbongkar selepas mereka ditahan sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu pejabat Polis Kontingen (IPK) Kuala Lumpur di sebuah kondominium di Jalan Galloway

di sini, Khamis lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, ketika serbuan kira-kira pukul 7.20 petang itu, kesemua suspek dikatakan sedang memasukkan dadah ke dalam plastik bungkusan.

Menurut beliau, hasil siasatan awal mendapati sindiket yang beroperasi sejak enam bulan lalu itu turut menggunakan ejen atau orang tengah untuk membekal dadah kepada pengurus atau pemilik premis hiburan bagi dijual kepada pengunjung.

"Siasatan pihak polis juga mendapati ada pengunjung tidak menyedari minuman mereka telah dicampur dadah."



MAZLAN LAZIM

"Dalam serbuan itu kita merampas 12.69 kilogram serbuk ekstasi, 80 biji pil ekstasi (37.11 gram), 90 biji pil (25.40 gram) erimin 5 dan 7.88 gram ketamin yang kesemuanya dianggarkan bernilai RM1.06 juta," katanya kepada pemberita dalam sidang akbar di IPK Kuala Lumpur di sini hari ini.

Dalam pada itu, menurut Mazlan, hasil siasatan juga mendapati jumlah rampasan yang dirampas mampu dibekal kepada 40,000 pengguna.

"Keempat-empat suspek kini direman tujuh hari bermula 6 Julai lalu sehingga 12 Julai ini bagi menjalankan siasatan di bawah Seksyen 39 B Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Kesemua suspek tidak mempunyai sebarang rekod lampau dan negatif dadah," ujarnya.